

**SOALAN NO. : 63**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**TARIKH : 10 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:-**

- (a) anggaran kerugian harta benda dan prasarana secara keseluruhan yang musnah akibat banjir yang berlaku di Kelantan baru-baru ini; dan
- (b) berapakah perbelanjaan yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi tujuan baik pulih dan bantuan kepada mangsa banjir.

**JAWAPAN:      YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, jumlah keseluruhan kerosakan harta benda dan prasarana awam akibat banjir yang bernilai RM2.9 billion. Bagi Negeri Kelantan sahaja, jumlah kerugian dianggarkan berjumlah RM1,059 billion.

Sebagai Kerajaan yang prihatin, usaha untuk membantu rakyat yang terjejas musibah ini akan diteruskan sepetimana tahun-tahun yang lepas. Antara yang telah dan sedang dilaksanakan Kerajaan adalah agihan bantuan wang ihsan RM500. Berdasarkan kepada statistik mangsa berpindah ke pusat pemindahan yang dikeluarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat, jumlah mangsa yang terjejas banjir adalah seramai 541,896 orang dari 136,447 keluarga. Bagi tujuan itu, Kerajaan telah memperuntukkan RM97,140,000 untuk agihan kepada 194,280 penerima yang terdiri dari ketua isi rumah yang berpindah dan yang tidak berpindah ke pusat pemindahan.

Selain itu juga, Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan sejumlah RM214 juta dengan pecahan RM174 juta kepada Kementerian Kerja Raya bagi pembinaan rumah musnah manakala RM40 juta kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk kerja-kerja pembaikan rumah rosak akibat banjir.

Sekian.Terima kasih.